

19 NOV 2001

Abdullah-Filipina

KERAJAAN AKAN TINGKATKAN PENGAWASAN DI PERAIRAN NEGARA

KUALA TERENGGANU, 19 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan meningkatkan pengawasan keselamatan di perairan Sabah bagi mengelakkan banjir pelarian perang dari Filipina berikutan keadaan tidak menentu di Selatan Filipina.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan mengikuti dengan teliti perkembangan di Filipina berikutan tindakan pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) Nur Misuari mengisytiharkan perang terhadap kerajaan Filipina.

Beliau berkata jika keadaan itu (perang) itu benar-benar berlaku, ia akan memberi masalah besar kepada Malaysia kerana ini akan menyebabkan banjir pelarian dari Selatan Filipina ke Malaysia.

"Inilah yang saya rasa dukacita dan mungkin dengan apa yang berlaku nanti, ia akan membawa banyak penderitaan kepada orang Islam yang ada di Selatan Filipina," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini malam ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas mengakhiri lawatan sehari ke Terengganu.

Beliau mengulas laporan Buletin Utama TV3, hari ini yang menyatakan Nur Misuari telah mengisytiharkan perang terhadap kerajaan Filipina kerana tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan Filipina yang mahu mengadakan pilihan raya pada minggu depan.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata kerajaan akan sentiasa memastikan perairan Malaysia sentiasa terjaga dan tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak.

Bagaimanapun, Abdullah berkata sebarang tindakan kerajaan akan bergantung kepada situasi yang berlaku di Selatan Filipina itu.

"Itu baru kenyataan sahaja, sama ada ia benar-benar berlaku, kita belum pasti lagi. Itu kita kena lihat, bagaimanapun kawalan sempadan kita perlu sentiasa dijaga oleh pasukan tentera dan polis," katanya.

Beliau berkata jika peperangan itu berlaku, ianya akan menjadi beban kepada kerajaan Malaysia kerana Malaysia terpaksa memberi perlindungan kepada pelarian perang dari Filipina.

"Tapi dengan adanya pelarian ini, akan jadi masalah besar kepada kita, kerana kita tidak boleh dengan mudah menghambat mereka sahaja. Mereka adalah pelarian dan perlu diberikan perlindungan," katanya.

Ditanya peranan kerajaan Malaysia dalam konteks Asean jika peperangan itu berlaku, Abdullah berkata perkara itu merupakan isu dalaman yang perlu dihadapi oleh kerajaan Filipina.

Beliau berkata ianya bergantung kepada keputusan kerajaan Filipina sama ada negara itu ingin menangani masalah dalamannya sendiri atau meminta bantuan dari negara-negara jiran iaitu Asean.

"Ini yang berlaku dalam negeri Filipina sendiri, sama ada Filipina sendiri yang nak tangannya atau Filipina nak minta bantuan daripada negara-negara jiran, Asean itu kita tak tahu," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan meminta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk campur tangan menyelesaikan krisis itu, Abdullah berkata beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau bagaimanapun menegaskan belum mengetahui apakah keadaan yang sebenarnya berlaku di negara itu.

-- BERNAMA

HIS MRA RHM

